



PEKELILING PELABUHAN PORT CIRCULAR

JABATAN LAUT MALAYSIA
Pejabat Laut Wilayah Persekutuan Labuan
Peti Surat 81005, 87020 W.P. Labuan

NO. 3 / 2020

Phone : 087-413511 Email: plwplbn@marine.gov.my

Fax : 087-413515 Web Page : <http://www.marine.gov.my>

PENETAPAN PINTU MASUK UTAMA BAGI PERKHIDMATAN TEKSI AIR DAN LARANGAN MENGADAKAN AKTIVITI SOSIAL LAUT DI WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

ESTABLISHMENT OF MAIN ENTRY POINT FOR WATER TAXI SERVICE AND PROHIBITION FOR MARINE SOCIAL ACTIVITY AT LABUAN FEDERAL TERRITORY

Daripada Kepada	Pegawai Pelabuhan Pemilik Kapal, Ejen Perkapalan dan Masyarakat Perkapalan 31 Mac 2020	From To	Port Officer Ship Owner, Shipping Agency and Shipping Community
Tarikh Carta Berkaitan	MAL 8518, MAL 8523, MAL 6	Date Relevant Chart	31 th March 2020 MAL 8518, MAL 8523, MAL 6

Pekeliling Pelabuhan No.2 / 2020 adalah
terbatal.

Port Circular No.2 / 2020 is void.

Kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk
melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan
sehingga 14 April 2020 bagi mencegah
penularan baharu wabak COVID-19 ini kepada
orang awam.

*The Malaysian Government decided to extend
the Movement Control Order until April 14th 2020
to prevent the spread of the new COVID-19
outbreak to the public.*

Selaras dengan lanjutan Perintah Kawalan
Pergerakan tersebut, Jabatan Laut Malaysia
Wilayah Persekutuan Labuan telah mengambil
pendekatan untuk menetapkan Terminal Feri
Antarabangsa Labuan sebagai pintu masuk
utama bagi semua perkhidmatan teksi air yang
membawa krew atau anak kapal yang berlabuh
di perairan Wilayah Persekutuan Labuan.
Waktu operasi Terminal Feri Antarabangsa
Labuan adalah dari jam 6:00 pagi sehingga jam
6:00 petang untuk tujuan saringan kesihatan
berkuatkuasa sehingga 14 April 2020.

*In line with the extended of Movement Control
Order, Marine Department of Malaysia, Labuan
Region has taken the approach to designate the
Labuan International Ferry Terminal as the main
entrance for all water taxi services carrying crews
anchored in the waters of Labuan Federal
Territory. Labuan International Ferry Terminal
operating hours commencing from 6:00 a.m. to
6:00 p.m. for health screening purposes until
April 14th 2020.*

Masyarakat Perkapalan juga tidak dibenarkan
untuk mengadakan sebarang aktiviti sosial di
laut seperti Parasailing, Sunset Cruise, Island
Hopping, Diving, Snorkeling dan apa jua aktiviti
sosial yang berkaitan di laut sehingga 14 April
2020.

*Shipping community also not permitted to
conduct any social activities at sea such as
Parasailing, Sunset Cruise, Island Hopping,
Diving, Snorkelling and any relevant social
marine activities until April 14th 2020.*


(BENJAMIN BERNARD BIJION)

Regional Director,
Malaysia Marine Department,
Federal Territory of Labuan